




PELAN STRATEGIK

KELANTAN MELANGKAH KEHADAPAN
Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan

2016 - 2025



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KELANTAN

Kandungan

• Latar Belakang	8
• Visi	
• Misi	9
• Objektif	10
• Pembentukan Matlamat (3 Tonggak)	11
• Penerapan Nilai-Nilai Utama (10 Teras)	12
• Pelan Strategik	13
• Pelan Tindakan	38
• Penutup	





Perutusan Khas

**Y.A.B USTAZ DATO'
MENTERI BESAR KELANTAN**

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman diantara kamu serta mengerjakan amal-amal yang soleh, bahawa Dia pasti akan menjadikan mereka berkuasa di bumi ini, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa. Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar keadaan mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan, menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan-Ku. Barangsiapa yang tetap kufur sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik". (Surah Al-Nur: ayat 55)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas anugerah rahmat dan nikmat-Nya kepada kita sekalian. Dalam suasana yang aman dan harmoni, kita diberi taufiq dan hidayah untuk terus berkhidmat kepada negeri dan rakyat di bumi Kelantan ini dengan terus menjulang dasar Membangun Bersama Islam.

Kerajaan Membangun Bersama Islam yang telah diterokai oleh Mantan Menteri Besar, Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada hari ini telah menyaksikan bahawa kegigihan beliau selama 23 tahun telah berjaya membawa negeri ini membangun mengikut acuan Islam. Asas yang unggul peninggalan beliau ini menjadi rujukan keramat kepada kita selaku generasi penyambung untuk membawa negeri warisan ini melangkah ke hadapan, mencari Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Pelan Strategik "Kelantan Melangkah Kehadapan" 2016-2025 bakal menjadi rujukan dalam perancangan dan pelaksanaan disetiap Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Pelan perancangan 10 tahun ini memberi gambaran yang jelas mengenai hala tuju dan wawasan Kerajaan Negeri menjelang tahun 2025. Melalui pelan tindakan yang komprehensif ini, Kerajaan Negeri akan menjadi sebuah negeri yang lebih berdaya saing dari segi ekonomi, pembangunan fizikal yang terancang dan melahirkan rakyat yang progresif dengan mengamalkan nilai-nilai hidup Islam secara symul.

Untuk melangkah ke hadapan, saya ingin mengajak seluruh jentera Kerajaan Negeri di segenap peringkat, bekerja secara berpasukan, berganding bahu demi memastikan pembangunan ummah dan negeri ini berada pada landasan yang terbaik. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh jentera Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang telah memberi sepenuh komitmen dalam penghasilan pelan strategik ini.

Akhir kata, semoga visi dan misi pelan strategik ini akan tercapai dan objektif penghasilan buku ini berjaya sepenuhnya. Mudah-mudahan segala usaha murni ini diterima Allah S.W.T sebagai amal soleh dan menjadi saham di akhirat nanti. Sekian, wassalam.

**** SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN ****

**** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ****

**** KEBAJIKAN - KEBERKATAN - KEMAKMURAN ****

Dengan hormatnya,

USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB,
S.J.M.K, D.J.M.K.(Kelantan)
MENTERI BESAR KELANTAN



Kata-Kata Aluan

YB DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayahNya, Pelan Strategik “Kelantan Melangkah Kehadapan: Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan” bagi tahun 2016 - 2025 telah berjaya disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kerana memberi kepercayaan kepada saya selaku ketua penjawat awam negeri ini untuk mengetuai penyediaan pelan

strategik ini.

Dengan adanya Pelan Strategik ini sudah pasti ianya akan menjadi rujukan utama pentadbiran kearah pencapaian visi dan misi kerajaan negeri menjelang tahun 2025. Melalui Pelan Strategik ini, Kerajaan Negeri telah mempamerkan iltizam dan komitmen yang tidak berbelah bagi untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang sentiasa dilimpahi Keberkatan, Kemakmuran dan Berkeadilan selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Ianya juga mendukung pelaksanaan syariah sepenuhnya melalui urus tadbir yang cekap dan berintegriti berpaksikan konsep Ubudiyah, Mas'ulliyah dan It'qan. Saya juga berharap Negeri Kelantan akan mempunyai daya saing dari segi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal setaraf negeri-negeri termaju di Malaysia.

Pelan Strategik sepuluh tahun yang telah dirangka dengan begitu komprehensif ini diharap akan dapat memberi nafas baru dan hala tuju yang jelas dalam perancangan untuk kepentingan pembangunan organisasi dan pembinaan imej Kerajaan Negeri Kelantan. Saya berharap semua jentera pentadbiran Negeri disemua peringkat mengambil perhatian serta memberi sokongan padu dalam pelaksanaan pelan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan selaku urusetia dalam menyiapkan Pelan Strategik ini yang amat bermakna ini.

Akhir kata, marilah sama-sama kita panjatkan doa kepada Allah S.W.T agar Negeri Kelantan sentiasa dilimpahi Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan dibawah pemerintahan kerajaan hari ini yang berteraskan Dasar Membangun Bersama Islam.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

Dengan hormatnya,

DATO' HJ. MOHD FAUDZI BIN HJ. CHE MAMAT,

S.P.S.K, D.P.S.K. (Kelantan)

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

PENGENALAN

Kelantan Melangkah Kehadapan merupakan satu fasa baharu dalam pentadbiran Kerajaan Negeri setelah kejayaan Kerajaan hari ini mentadbir Negeri Kelantan selama 25 tahun berteraskan Dasar Membangun Bersama Islam. Dalam tempoh tersebut Kerajaan Negeri telah membawa Negeri Kelantan ke suatu aras yang tersendiri dengan menerajui berbagai perubahan dalam pentadbiran bagi memastikan pembangunan negeri yang seimbang dari segi rohani dan fizikal. Sebagai suatu kesinambungan kepada dasar dan perancangan sediaada, suatu kerangka tindakan yang baharu perlu di lakar bagi membentuk pelan tindakan jangka panjang yang konstruktif dan mapan.

Kelantan Melangkah Kehadapan: Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan' menerangkan misi dan visi yang menjadi agenda utama YAB Ustaz Dato Hj Ahmad Bin Yaakob selaku Menteri Besar yang meneruskan legasi pentadbiran berpandukan syariat Islam di Negeri ini. Cetusan idea YAB Ustaz Menteri Besar ini telah dibengkelkan bersama oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ketua-Ketua Jabatan bagi membentuk satu Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan : Keberkatan , Kemakmuran dan Kebajikan' 2016-2025.

Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan : Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan (2016-2025) merupakan satu perancangan teras Kerajaan Negeri untuk memacu Negeri Kelantan kearah satu tahap yang lebih progresif, dinamik dengan kekuatan , peluang dan sumber yang ada merangkumi aspek sosial serta ekonomi. Matlamat penting yang ingin dicapai dalam program ini adalah untuk menjadikan Negeri Kelantan sebuah negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan,kemakmuran dan kebajikan , penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera , mengoptimumkan hasil menerusi amalan tadbir urus yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam.

Berpaksikan kepada tiga tonggak utama , Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan ini, Kerajaan Negeri meletakkan 10 bidang utama sebagai sasaran yang akan dicapai didalam pelan ini iaitu Agama & Dakwah, Pentadbiran Awam, Pendidikan & Pembangunan Insan, Pengukuhan Kewangan Negeri, Peningkatan Sosio Ekonomi Rakyat, Pembangunan Ekonomi & Pelaburan, Pembangunan Infrastruktur & Fizikal, Kebersihan & Kesihatan Rakyat, Khidmat Kebajikan dan Khidmat Perbandaran. Dari sudut perlaksanaannya, pelan ini akan melibatkan dua fasa utama iaitu fasa pertama :2016-2020 dan fasa kedua: 2016-2025.

LATAR BELAKANG

- Kelantan Melangkah Ke Hadapan merupakan satu program teras bagi menzahirkan segala legasi, misi dan visi Kerajaan Negeri setelah kejayaan mentadbir negeri Kelantan selama 25 tahun.
- Ianya dapat digerakkan dengan berpaksikan Tiga Tonggak Utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan yang saling berkaitan.

VISI

- Menjadikan Kelantan sebuah negeri yang sentiasa dilimpahi keberkatan, kemakmuran dan berkebakikan selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam.

MISI

- Menjadikan Kelantan sebuah negeri yang mendokong pelaksanaan syariah sepenuhnya melalui urus tadbir yang cekap dan berintegriti berpaksikan konsep Ubudiyyah, Mas'ulliyah dan It'qan (UMI).
- Menjadikan Kelantan sebuah negeri yang berdaya saing dari segi pertumbuhan ekonomi, penyediaan infrastruktur dan pembangunan fizikal.
- Melahirkan rakyat yang progresif, dinamik dan bermotivasi tinggi dengan mengamalkan nilai-nilai hidup Islam secara syumul.

OBJEKTIF

- Untuk menggerakkan secara sistematik, proaktif dan kompetatif jabatan dan agensi-agensi negeri dalam mencapai wawasan negeri.
- Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hala tuju dan perancangan negeri menjelang tahun 2025.
- Untuk meningkatkan kecekapan, kualiti kerja dan produktiviti di semua peringkat jabatan, agensi dan institusi kerajaan.

PEMBENTUKKAN MATLAMAT

3 TONGGAK UTAMA

01

KEBERKATAN

02

KEMAKMURAN

03

KEBAJIKAN

PENERAPAN NILAI-NILAI UTAMA

PELAN STRATEGIK KELANTAN KE HADAPAN (2015-2016)



STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

TONGGAK I

KEBERKATAN

AGAMA DAN DAKWAH

PENTADBIRAN AWAM

**PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN INSAN**

> **KEBERKATAN : AGAMA DAN DAKWAH**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Memantapkan Akidah dan Meningkatkan kefahaman serta penghayatan rakyat untuk mematuhi syariat.	- Mempelbagaikan pendekatan dakwah kepada semua golongan dan dipelbagai tempat tidak terhad di masjid sahaja. - Menghidup dan mengadakan majlis-majlis ilmu di tempat-tempat yang kurang atau ketiadaannya.	- Menyusun dan mengadakan program latihan kepada para pendakwah / penceramah seperti teknik penyampaian atau uslub dakwah. - Merangka program program yang lebih menarik dan kreatif berdasarkan kumpulan sasaran yang jelas. - Kerjasama Strategik perlu dibangun dan dipergiatkan dengan Agensi-Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Agensi-Agensi Persekutuan dan Badan Berkanun serta pihak Korporat untuk membina kefahaman Islam terhadap rakyat.	- Peningkatan jemaah di setiap masjid dan majlis-majlis ilmu. - Penurunan indeks jenayah dan gejala sosial.
2 Melahirkan masyarakat berakhlak dan mempunyai jati diri.	- Membentuk keluarga mawaddah dan sakinah. - Mewujudkan masyarakat yang prihatin. - Pematuhan kepada undang-undang Islam contohnya hukum penjagaan aurat dan pergaulan bebas.	- Melaksanakan program-program yang berbentuk forum, diskusi dan kursus mengikut konsep Keluarga Mawaddah. - Memperkuatkan program berdasarkan modul perkhidmatan kejiirananan Pusat Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (PPKSK) di setiap jajahan. - Mempelbagaikan Program Kesedaran melalui media dan menganjurkan pertandingan Segmen Video Pendek (SVP) di peringkat IPT. - Mempertingkatkan penguatkuasaan Kanun Jenayah Syariah.	- Pengurangan jenayah sosial dikalangan masyarakat. - Pengurangan kadar penceraian dan keganasan rumah tangga. - Peningkatan Budaya Ta'awun (tolong menolong) dalam masyarakat.

> **KEBERKATAN :
AGAMA DAN DAKWAH**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
		Meningkatkan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil berkaitan kesopanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	
3 Membina generasi pewaris yang cemerlang sebagai aset kepada sebuah daulah;	- Membentuk jatidiri remaja melalui aktiviti-aktiviti keagamaan dan sosial. - Mencungkil bakat pendakwah di Kalangan Belia.	- Memperkukuhkan program Membina Generasi Solat (MGS), Membina Generasi Al-Quran (MGQ) dan Membina Remaja Iman (MRI) - Memberi latihan secara komprehensif dan berterusan kepada pendakwah di Kalangan Belia sebagai contoh penubuhan Kelab Da'ie Muda (KDM).	Pengurangan penglibatan remaja dalam gejala sosial sererti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan jenayah.
4 Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II	- Memastikan KJS II berada dalam tahap terkini dan lebih kemas. - Memastikan peruntukan KJS II dapat dilaksanakan selaras dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah. - Memastikan pendakwaan dilakukan dengan cekap dan bebas.	- Meminda Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2/1985. - Meningkatkan prasarana dan guna tenaga di semua jabatan berkaitan pelaksanaan undang-undang syariah.	Pelaksanaan KJS II dalam masa 5 tahun

> **KEBERKATAN : PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Kelantan sebagai Pusat Pengajian dan Pendidikan Islam yang ulung untuk semua peringkat. (Kelantan sebagai Universiti Terbuka).	- Memperkasakan agensi-agensi pendidikan negeri seperti YAKIN, Tabung Pendidikan Negeri, Tabung Amanah Tok Kenali, Akademi YAKIN dan Akademi YIK Sdn. Bhd. dengan mempelbagaikan sumber pendapatan baru. - Menjayakan usahasama antara kerajaan negeri dengan institusi pendidikan dalam dan luar negara, kerajaan dan swasta dalam bidang pendidikan tinggi.	- Mewujudkan Zon Ilmu (Kompleks Pendidikan Islam) yang lengkap dari peringkat rendah sehingga tinggi). - Mewujudkan Pusat Bahasa Arab.	Peningkatan bilangan pelajar daripada luar untuk melanjutkan pelajaran di Kelantan.
2 Melahirkan modal insan Pembina Tamadun Ummah (Pengurus, Pentadbir dan Pemimpin).	- Memberi latihan dan kursus kepada Tenaga Pengajar. - Melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu, maklumat dan kemahiran ke arah pembangunan modal insan yang seimbang.	- Memperkasakan Institut Latihan Perguruan Kelantan. - Menubuhkan Institut Latihan Darul Naim. - Memberi Latihan Kemahiran kepada pelajar- pelajar lepasan sekolah. - Menggalakkan pengajar/ guru penjawat awam/ GLC melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi - Membentuk pendakwah di kalangan Masyarakat Orang Asli untuk menjadi pendakwah yang profesional dan berwibawa.	- Peningkatan bilangan pengajar/guru/ penjawat awam/ GLC yang memiliki sijil akademik diperingkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD). - Peningkatan bilangan masyarakat Orang Asli memeluk Islam.

> **KEBERKATAN :**
PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
3 Melaksanakan Gagasan Pengislaman Ilmu (GPI) dalam sistem pendidikan negeri (Islam Merentasi Kurikulum)	Menyesuaikan silibus pembelajaran supaya ianya berteraskan kelslaman di semua peringkat pengajian.	Melatih guru dengan ilmu teras Islam untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (akademik).	Penyediaan modul-modul pengajaran.

> **KEBERKATAN : PENTADBIRAN AWAM**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Melahirkan penjawat awam yang profesional, kompeten dan berintegriti.	• Memberi galakkan kepada pegawai untuk mengikuti latihan profesional dan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. • Mengukuhkan pelaksanaan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia melibatkan, Pegawai Tadbir Negeri (PTN) Pegawai Tadbir Ugama (PTU) dan Badan Berkanun di jawatan yang strategik.	• Memberi kemudahan dan insentif galakan kepada penjawat awam yang mendapat Ijazah Lanjutan/Sijil Profesional/Al-Hafiz. • Memilih calon yang sesuai dan munasabah di setiap jabatan berdasarkan kemahiran dan kemampuan melaksanakan Dasar Kerajaan. • Mengadakan Program Penempatan Silang dimana pegawai terpilih akan diberi peluang dan pendedahan untuk mempelbagaikan kemahiran dalam dan luar negara. • Mengadakan Kerjasama strategik bersama agensi lain bagi mempertingkatkan tahap kompetensi. • Menghantar lebih ramai pegawai mengikuti program Pegawai Integriti Bertauliah (CelO).	• Peningkatan bilangan PTN/PTU /eksekutif GLC yang memiliki Ijazah Sarjana / PhD/ kelayakkan Profesional • Pertambahan bilangan pegawai - pegawai yang memiliki sijil CelO.
2 Memantapkan pemahaman dan pembudayaan UBUDIYAH, MASULIYAH & ITQAN (UMI) di kalangan penjawat awam	• Memantapkan pelaksanaan Kursus UMI kepada seluruh jabatan/agensi di Kelantan. • Membangun dan melaksanakan modul bagi penjawat awam termasuk Badan Berkanun sehingga pengamalan UMI dapat dibudayakan dalam perkhidmatan Negeri.	• Pemantauan pelaksanaan Program UMI peringkat jabatan secara berterusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan UMI setiap 2 bulan sekali. • Menggalakkan penjawat awam mengikuti Diploma Tasawwur Islam.	• Pengurangan salah laku di kalangan penjawat awam. • Peningkatan tahap produktiviti anggota perkhidmatan awam - mencapai tahap KPI yang ditetapkan oleh jabatan.

> **KEBERKATAN :
PENTADBIRAN AWAM**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
	Mewajibkan penjawat awam laksanakan baru mengikuti Kursus Pengenalan UMI	- Latihan dan Kursus kepada penceramah bagi melahirkan penceramah berprofil tinggi & boleh menjadi "Champion" - Menganjurkan Konvensyen Pengukuhan Nilai UMI setiap tahun - Mengamalkan Konsep Penanda Aras Amalan Terbaik (Best Practice Bench Marking).	
3 Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan	- Meningkatkan keberkesanan Pengurusan Organisasi - Memantapkan Pengurusan Pelanggan	- Amalan Persekitaran Berkualiti 5 QE/5S - Mengadakan 'Mystery Shopping' dalam pengurusan kaunter dan kualiti panggilan telefon.	- Setiap Jabatan mempunyai Sijil QE setiap tahun dan mencapai 5 bintang dalam SSR - Pengurangan aduan awam

TONGGAK 2



> KEMAKMURAN : PENGUKUHAN KEWANGAN NEGERI

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Peningkatan Hasil Negeri	- Memperkasa jawatankuasa punca hasil negeri - GLC sebagai penyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri	- Mengkaji dan membuat pindaan kadar-kadar pengenaan hasil sedia ada di bawah undang-undang berkaitan. - Mengenalpasti punca hasil baru - Memantau peranan GLC dari aspek mengamalkan operasi sesuai supaya pembangunan dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang diberikan - Menetapkan kadar sumbangan wajib GLC kepada Kerajaan Negeri	- Peningkatan sebanyak 20% dalam pendapatan hasil tahunan - Bagi GLC RM 2 juta atau 30% daripada keuntungan kasar yang mana lebih tinggi - Bagi anak syarikat RM500,000 atau 30 % yang mana lebih tinggi
2 Bajet berimbang (perbelanjaan selari dengan pendapatan)	Merancang penyediaan bajet tahunan dan Rancangan Lima Tahun	Memastikan pungutan hasil dan perbelanjaan berdasarkan sasaran didalam bajet tahunan	- Tiada peruntukan tambahan - Bajet berimbang - Indeks Akauntabiliti (AI) 4 bintang
3 Pengurusan Kewangan yang Mapan	Meningkatkan kemahiran dan integriti dengan memastikan pematuhan kepada tatacara kewangan yang ditetapkan	- Meningkatkan kecekapan kutipan hasil sedia ada (elakkan ketirisan) - Perlombongan - Kuari - Pembalakan - Pemindahan tanah pasir - Sumber Air - Penguatkuasaan peruntukkan undang-undang tanah, perhutanan dan sumber asli - Penempatan pegawai Tadbir Negeri di GLC sebagai penyalaras kepada pengurusan kewangan negeri	- Kutipan hasil tidak kurang daripada 90% Indeks - Indeks Akauntabiliti (AI) 4 bintang Penyata - Penyata Kewangan Tahunan (Sijil Bersih)

> **KEMAKMURAN :
PENINGKATAN SOSIO-EKONOMI**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Ke arah mencapai Kemiskinan tegar sifar	Mewujudkan peluang-peluang / pekerjaan kepada penduduk	- Menyediakan program latihan yang bersesuaian dengan keperluan pasaran tenaga kerja - Membimbing golongan miskin tegar menjadi usahawan	Kemiskinan tegar sifar pada tahun 2025
2 Meningkatkan pendapatan isi rumah (house- hold income)	- Mengadakan program latihan dan pembelajaran dalam bidang- bidang berpotensi dan mempunyai nilai pasaran tinggi - Menggalakkan rakyat menerokai bidang-bidang yang menjana pendapatan tinggi	- Kolaborasi dengan IPT dan MNC bagi menyediakan latihan yang berpotensi menjana pendapatan tinggi - Keterlibatan dengan industri bagi meningkatkan penyertaan rakyat dalam bidang-bidangberpendapatan tinggi. - Mewujudkan Dasar Modal Insan Negeri yang memberi hak eksklusif kepada anak negeri dalam bidang pekerjaan strategik. - Penyediaan insentif-insentif bagi membuka perniagaan	Peningkatan kadar pendapatan per kapita penduduk pada kadar nasional.
3 Mengurangkan kadar migrasi rakyat Kelantan ke luar Kelantan	- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam negeri - Menyediakan suasana persekitaran yang kondusif - Menggalakkan rakyat Kelantan membuka perniagaan di negeri Kelantan	- Membuka lebih banyak pusat-pusat pertumbuhan baharu - Meningkatkan kemudahan awam dan rekreasi. - Penyediaan insentif-insentif bagi membuka perniagaan.	Kadar migrasi sebanyak 30% (kini 56%-KKLV)

> **KEMAKMURAN :
PENINGKATAN SOSIO-EKONOMI**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
4 Satu keluarga satu rumah	- Mewujudkan sistem pangkalan data perumahan negeri - Memberi galakan kepada pembinaan rumah mampu milik - Menggalakkan pasangan baru kahwin untuk memiliki rumah sendiri	- Membuat kajian untuk mengenalpasti keperluan sebenar perumahan di Kelantan. - Mewujudkan Land Bank di setiap jajahan untuk rumah mampu milik. - Memantau pelaksanaan Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan. - Menubuhkan Lembaga Perumahan Negeri. - Mewujudkan dana khas perumahan rakyat bagi rakyat yang tidak mendapat pinjaman bank / Institusi Kewangan. - Kempen kesedaran kepada pasangan baru berkahwin untuk memiliki rumah sendiri.	80 % KIR memiliki rumah pada tahun 2020 dan 100% pada tahun 2025.
5 Membudayakan rakyat bersukan	- Memperbanyakkan kawasan untuk riadah - Mengadakan satu jajahan satu pusat sukan	- Mengenalpasti dan membangunkan kawasan lapang bagi aktiviti riadah di setiap kawasan PBT. - Menyediakan infrastruktur sukan yang berpadanan bagi setiap jajahan. - Mengaktifkan kembali Majlis Sukan di Jajahan.	- Pertambahan bilangan penyertaan rakyat dalam aktiviti sukan - Pertambahan taman-taman rekreasi di setiap PBT. - Melahirkan jaguh sukan bertaraf nasional

> **KEMAKMURAN :
PENINGKATAN SOSIO-EKONOMI**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
6 Melestarikan budaya dan warisan negeri Kelantan sejajar dengan peredaran zaman	• Penjenamaan semula aktiviti kebudayaan negeri Kelantan • Mengadakan pusat budaya setempat seperti Gelanggang Seni di setiap jajahan	• Mengaktifkan kembali Majlis Kebudayaan Negeri dan Jajahan • Memberi insentif dan pengiktirafan kepada penggiat-penggiat seni • Menyediakan peruntukan khas aktiviti kebudayaan kepada setiap jajahan berdasarkan keperluan.	• Mesyuarat 2 kali setahun • Pertambahan bilangan penggiat-penggiat seni • Peningkatan dalam bilangan kutipan lesen hiburan • Pertambahan program/ aktiviti kebudayaan dan warisan

> KEMAKMURAN : PEMBANGUNAN EKONOMI & PELABURAN

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Peningkatan KDNK Negeri	- Memberi fokus kepada sektor-sektor penyumbang utama kepada KDNK Negeri supaya berkembang iaitu :- - Sektor Perkhidmatan - Sektor Pertanian - Sektor Pembuatan	- Membangun Fasilitas Sub Sektor Pelancongan dan Pemborongan & Peruncitan di bawah Sektor Perkhidmatan. - Pembangunan IKS dan pembangunan industri baru melalui taman industri. - Penerokaan bidang bio- ekonomi dan peningkatan nilai hasil komoditi	Pertumbuhan KDNK 8% setahun.
2 Menjadikan sektor industri sebagai antara sektor utama penyumbang KDNK negeri.	Mengoptimalkan kawasan-kawasan industri sedia ada serta mewujudkan kawasan-kawasan industri baru yang berpotensi	- Menaiktaraf kawasan-kawasan industri sedia ada:- - Pengkalan Chepa - MIEL, Lundang - Apam, Pasir Mas - Staponal, Kuala Krai - Gua Musang - Jeli - Tanah Merah - Mengkaji dan menempatkan semula kawasan industri sedia ada yang melibatkan lokasi dan jenis industri - Mengenalpasti dan memajukan kawasan-kawasan berpotensi untuk diwujudkan taman industri (<i>industrial park</i>) - Tok Bali - Estate Sungai Bagan - Kawasan Perindustrian Sg. Terah. - Menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang sesuai bagi menarik minat pelabur.	- Peningkatan pelaburan (bilangan & nilai) ke negeri Kelantan - Peningkatan sumbangan sektor pembuatan dalam KDNK negeri (kadar pertumbuhan / nilai)

> **KEMAKMURAN :**
PEMBANGUNAN EKONOMI & PELABURAN

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
	Memajukan industri hiliran bagi sektor perlombongan.	- Merangka dan menetapkan dasar bahawa aktiviti perlombongan diberi kepada pelabur yang akan melaksanakan aktiviti hiliran dan keutamaan diberi kepada agensi-agensi kerajaan. - Memberi galakan terhadap aktiviti hiliran yang bernilai tinggi: - Mewujudkan kilang penghasilan pallet besi (PKINK). - Penubuhan Makmal Galian Mineral di PMBK.	Peningkatan industri hiliran (bilangan/ nilai)
3 Menjadikan Negeri Kelantan sebagai Hab Halal Utama Negara	- Memajukan hab halal sedia ada dan mewujudkan hab halal yang baru di setiap jajahan - Memberi tumpuan terhadap pengeluaran dan pemasaran Produk Halal Tempatan. - Menguatkan industri pertanian dan bioteknologi.	- Mempertingkatkan promosi pelaburan di Hab Halal, Pasir Mas. - Mengenalpasti lokasi dan jenis perusahaan untuk diwujudkan di setiap jajahan - Membantu pengusaha-pengusaha dalam mendapatkan pensijilan halal dan memenuhi syarat eksport - PKINK dan PMBK diberi tanggungjawab untuk menerajui pengeluaran produk-produk halal negeri - Memasarkan produk halal tempatan ke peringkat antarabangsa - Menggalakkan penglibatan penduduk tempatan dalam industri desa (<i>cottage industry</i>) - Mewujudkan 'trademark' lokasi bersesuaian mengikut aktiviti pengeluaran produk. - Mengenal pasti dan mengekalkan kawasan pertanian aktif.	- Peningkatan jumlah pengusaha yang mendapat pensijilan halal - Peningkatan kualiti dan produktiviti produk Halal Kelantan - Peningkatan sumbangan sektor pertanian dalam KDNK negeri

> **KEMAKMURAN :
PEMBANGUNAN EKONOMI & PELABURAN**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
	Mengembangkan industri penternakan ruminan	- Menjadikan Kawasan Tanah Tinggi Lojing sebagai “Kota Agro Lojing”. - Menggalakkan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa bagi memajukan Lembah Agro Bio Negeri Kelantan. - Menyediakan dasar bagi mengekalkan rizab haiwan sedia ada.	
4 Menjadikan Negeri Kelantan Sebagai Tumpuan Utama Pelancongan Negara.	- Menambah baik kemudahan di kawasan - kawasan tarikan pelancongan sedia ada dan mewujudkan produk pelancongan yang baru - Membangunkan negeri Kelantan sebagai hab pelancongan agama	- Meningkatkan infrastruktur, kebersihan dan kemudahan dikompleks-kompleks zon bebas cukai di Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga sebagai pusat membeli belah di kawasan sempadan Kelantan -Thailand. - Meningkatkan promosi dalam dan luar negara - Menyediakan kemudahan-kemudahan sokongan kepada pelancong. - Memperbanyakkan penganjuran acara berasaskan seni budaya dan warisan. - Menjadikan Kampung Laut di Jajahan Tumpat sebagai Kampung Pelancongan. - Mewujudkan “International Pondok” di Renok Gua Musang sebagai salah satu tarikan pelancong. - Menjadikan Pulau Melaka sebagai Hab Pelancongan Pendidikan Dan Agama melalui penubuhan Memorial Tok Guru.	Peningkatan jumlah kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke negeri Kelantan

> **KEMAKMURAN :
PEMBANGUNAN EKONOMI & PELABURAN**

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
		- Menggalakkan agen-agen pelancongan yang menawarkan Pakej Pelancongan Islam. - Memperbanyakkan produk pelancongan Agama seperti Madinah Ramadhan, Qurban dan Pusat Pengajian Pondok	
5 Menjadikan Kelantan sebagai destinasi pelaburan yang kondusif.	Meningkatkan kemudahan serta tarikan kepada pelabur.	- Mengerakkan Invest Kelantan untuk menarik pelabur luar. - Meningkatkan hubungan serta aktiviti promosi pelaburan bersama-sama dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. - Memudahkan fasilitasi tatacara untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Sehenti Pelaburan Negeri Kelantan.	Peningkatan nilai pelaburan ke Negeri Kelantan

> KEMAKMURAN : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & FIZIKAL

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
1 Mewujudkan rangkaian jalan raya dan lebuhraya yang selesa, selamat dan dapat memendekkan masa perjalanan di antara Negeri Kelantan dan negeri-negeri di seluruh Malaysia.	- Pembinaan beberapa lebuhraya 4 lorong atau lebih bagi menghubungkan:-- - Kota Bharu- Kuala Krai - Gua Musang - Kota Bharu - Jeli - Negeri di Utara Semenanjung Malaysia - Kota Bharu - Pasir Puteh - K. Terengganu - Pembinaan jambatan menghubungkan Malaysia-Thailand	- Menyenaraikan dan mengambil inisiatif yang berkesan ke arah memastikan projek berikut disenaraikan sebagai projek keutamaan Seperti - Lebuhraya Kota Bharu Kuala Krai - Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3	- Penurunan kadar kemalangan jalan raya - Penurunan kesesakan lalu lintas - Memendekkan masa perjalanan
		- Central Spine Road - Pelebaran Lebuhraya Timur - Barat - Jalan Persisiran Pantai - Penyuraian Aliran Trafik di Laluan -Laluan Utama - Rangkaian Jalan Raya Antara Pusat Pertumbuhan Baru / Bandar Baru - Jambatan Palekbang, Tumpat - Kg. Cina, Kota Bharu - Jambatan Pengkalan Kubor - Tak Bai - Jambatan Kedua Rantau Panjang - Sg. Golok	
2 Negeri Kelantan menjadi hab penerbangan serantau dan antarabangsa.	- Mewujudkan lapangan terbang bertaraf antarabangsa : - Dapat mengendalikan pesawat yang lebih besar seperti Boeing 747 (wide bodied aircrap) - Menyediakan penerbangan terus bagi ibadah umrah dan haji.	Mengenalpasti tapak baru bagi pembinaan lapangan terbang antarabangsa.	Peningkatan jumlah pelancong tempatan dan antarabangsa ke Negeri Kelantan

> **KEMAKMURAN :**
PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & FIZIKAL

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
	- Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) sebagai lapangan terbang serantau :- - Menjadikan LTSIP sebagai pusat transit untuk penerbangan haji - Menjadikan LTSIP sebagai hab penerbangan ke negara--negara ASEAN	Mengambil inisiatif berkesan bagi menaiktaraf terminal LTSIP dan 'parking bay'	- Peningkatan jumlah penerbangan - Peningkatan indeks kajian kepuasan pengguna LTSIP
3 Mengurangkan impak yang besar kesan daripada bencana banjir	- Rancangan tebatan banjir Lembangan Sungai Kelantan - Rancangan tebatan banjir Sungai Golok	- Membina empangan Nenggiri dan empangan Lebir - Mengambil inisiatif yang berkesan bagi pembinaan Tebatan Banjir Sungai Golok	- Pengurangankos membaikpulih kerosakan akibat banjir - Pengurangan Jumlah mangs banjir
4 Mewujudkan sebuah pelabuhan bersepadu di Negeri Kelantan dan sebagai pusat perdagangan maritim di Negeri Kelantan.	MemajukanTok Bali sebagai sebuah bandar pelabuhan dan pusat perindustrian berasaskan 'oil & gas'	- Mewujudkan Pelabuhan Bersepadu Negeri di Tok Bali,Pasir Puteh. - Membina lebuhraya menghubungkan Lebuhraya Rakyat ke pelabuhan Tok Bali.	- Peningkatan hasil kepada PBT - Pewujudan kawasan industri baharu
5 Mewujudkan hab pengangkutan bersepadu bagi menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar.	Mengadakan hab pengangkutan awam dengan penglibatan sektor swasta	- Membina Terminal Pengangkutan Bersepadu melalui inisiatif swasta. - Membangunkan Terminal Pengangkutan sokongan di Lembah Sireh dan Tunjong, Kota Bharu	Pengurangan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar

> **KEMAKMURAN :**
PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & FIZIKAL

SASARAN	STRATEGI	TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI
